

# QUINBLOC CREAM

Hydroquinone (2% w/w, 4% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Quinbloc Cream
2. Bagaimana Quinbloc Cream berfungsi.
3. Sebelum mengambil Quinbloc Cream
4. Cara menggunakan Quinbloc Cream
5. Semasa menggunakan Quinbloc Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Quinbloc Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Quinbloc Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak mengantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Quinbloc Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemesyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Quinbloc Cream

Quinbloc Cream digunakan untuk mencerahkan kulit gelap secara beransur-ansur (hiperpigmentasi) seperti *chloasma*, *melasma*, *senile lentigines*, jeragat dan kawasan hiperpigmentasi melanin yang tidak diigini.

## Bagaimana Quinbloc Cream berfungsi

Quinbloc Cream mengandungi bahan aktif hydroquinone.

Hydroquinone adalah ejen pencerah yang membantu untuk mengurangkan pigmentasi kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Quinbloc Cream

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Quinbloc Cream sekiranya:

- Anda adalah hipersensitif terhadap mana-mana bahan seperti yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Jika tarikh tamat (*EXP*) dicetak pada pek telah berlalu.

### -Sebelum mengambil Quinbloc Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Jika anda mempunyai alahan kepada mana-mana ubat atau mempunyai sebarang penyakit.
- Jika anda menggunakan mana-mana produk kulit.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Tidak diketahui sama ada penggunaan hydroquinone boleh memudaratkan bayi dalam kandungan atau menjelaskan sistem peranakan.
- Tidak diketahui jumlah hydroquinone topikal diserap ke dalam sistem peredaran darah. Oleh itu, penggunaan hydroquinone hanya disarankan semasa kehamilan

sekiranya manfaat mengatasi risiko kepada kandungan.

- Tidak diketahui sama ada hydroquinone topical boleh diserap dan dirembeskan kedalam susu ibu. Ibu yang menyusu dinasihatkan berwaspada dalam penggunaan hydroquinone topical.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Quinbloc Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan ubat pada kawasan rawatan 2 kali sehari atau seperti yang disarankan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Gunakan mengikut tempoh masa yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas apabila anda ingat. Teruskan penggunaan ubat mengikut dos yang dicadangkan.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan yang berlebihan tidak akan menyebabkan sebarang kesan yang merbahaya. Tiada tindak balas sistemik dari penggunaan topikal hydroquinone dilaporkan. Walau bagaimanapun, rawatan harus terhad kepada kawasan-kawasan yang tertentu pada satu-satu masa kerana sesetengah individu mengalami kemerahan kulit dan rasa pedih yang

# QUINBLOC CREAM

Hydroquinone (2% w/w, 4% w/w)

sederhana, yang tidak menghalang rawatan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, sekiranya anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Quinbloc Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda mula mengambil ubat-ubatan baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan Quinbloc Cream.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna Quinbloc Cream dapatkan rawatan sekiranya anda mengalami iritasi atau sensitiviti selepas menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan ubat ini di dalam mulut atau mata anda. Jika ia masuk ke dalam mana-mana kawasan ini, bilas dengan air.

Jangan menggunakan produk kulit yang boleh menyebabkan iritasi. Jangan menggunakan produk ubat lain melainkan jika doktor atau ahli farmasi telah memberitahu anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Quinbloc Cream boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan. Sekiranya berlaku selalunya ringan dan bersifat sementara.

Tiada kesan sampingan sistemik telah dilaporkan. Hipersensitiviti (keradangan kulit setempat) boleh berlaku, di mana penggunaan ubat perlu dihentikan dan doktor diberitahu dengan segera.

Sesetengah pengguna produk ini mungkin akan mengalami iritasi kulit. Jika ini berlaku, berhenti menggunakan ubat dan berunding dengan doktor anda dengan kadar segera.

Mengandungi sodium metabisulphite yang boleh menyebabkan reaksi alahan yang serius kepada individu tertentu. Jangan menggunakan ubat ini jika ia adalah kepada bisulphites.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Quinbloc Cream

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Quinbloc Cream ialah krim berwarna oren yang mengandungi Hydroquinone bersama Methylparaben dan Propylparaben sebagai pengawet.

Quinbloc Cream boleh didapati dalam tiub aluminium 15g.

## Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:  
Quinbloc Cream 2% w/w:  
Setiap tiub mengandungi 2% w/w hydroquinone.

Quinbloc Cream 4% w/w:  
Setiap tiub mengandungi 4% w/w hydroquinone.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Methylparaben, Propylparaben, Lactic Acid, Dicaprylyl Carbonate, Lycopene, Cetostearyl Alcohol, Cetearyl Alcohol & Cetearyl Glucoside, Titanium Dioxide (and) Alumina (and) Simethicone, Sodium Metabisulfite, Xanthan Gum, Cetyl Palmitate, Polysorbate 60, Sorbitan Monostearate, Purified Water, Polyethylene Glycol 400.

### -Nombor MAL:

Quinbloc Cream 2% w/w:  
MAL09082859A

Quinbloc Cream 4% w/w:  
MAL09082860A

## Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

-21/10/2015

## Nombor siri :

BPFK (R4/1)201015/00374